

26 JUN 2002

BBC-Sokong

BBC SERAH MEMORANDUM SOKONG PENDIRIAN MT UMNO DAN DEWAN TERTINGGI BN

KUALA LUMPUR, 26 Jun (Bernama) -- Kelab Penyokong Kerajaan (BBC) hari ini menyerahkan dua memorandum kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang menyokong penuh pendirian Majlis Tertinggi Umno dan Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) berhubung isu perletakan jawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dua memorandum itu diserahkan oleh Pengerusi BBC, Datuk Dr Jamaluddin Jarjis pada satu majlis di Bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Dalam memorandum yang pertama BBC berasa sungguh terharu dan menyanjung tinggi keputusan Dr Mahathir untuk terus memimpin kerajaan sehingga Oktober tahun hadapan.

Memorandum itu turut menyokong keputusan Dr Mahathir melantik Abdullah sebagai pengganti dan melahirkan keyakinan bahawa Abdullah mampu meneruskan perjuangan untuk melonjakkan Malaysia ke tahap lebih cemerlang.

"Tindakan itu menunjukkan bahawa YAB Perdana Menteri telah meletakkan kepentingan parti dan rakyat mengatasi kepentingan peribadi dan keluarga," kata Jamaluddin semasa membacakan memorandum itu.

Memorandum yang ditandatangani kira-kira 70 anggota BBC juga melahirkan rasa terkejut dengan keputusan Dr Mahathir mengundurkan diri kerana tidak pernah terfikir sebelum ini bahawa beliau akan meletakkan jawatan.

Dr Mahathir mengejutkan negara apabila beliau mengumumkan pada perhimpunan Agung Umno Sabtu lepas keputusannya untuk melepaskan semua jawatan yang dipegangnya selama 21 tahun. Beliau menarik balik keputusannya itu setelah ditolak oleh anggota MT dan para perwakilan Umno yang mahu beliau terus menerajui kerajaan dan parti.

Dr Mahathir, yang kini bercuti selama seminggu di Itali, dijangka kembali ke tanah air pada 3 Julai ini.

Memorandum kedua BBC itu pula menyatakan penghargaan kepada Abdullah kerana berjaya mengamankan suasana yang agak luar biasa apabila Dr Mahathir mengumumkan secara mengejut perletakan jawatannya.

Memorandum itu turut menyatakan kelegaan di atas penangguhan peletakan jawatan Dr Mahathir bagi membolehkan peralihan kuasa dibuat secara tersusun dan teratur.

Abdullah kemudiannya turut menghadiri satu majlis bacaan yassin dan tahlil bagi Allahyarham Datuk Fadzil Noor, anggota Parlimen Pendang merangkap Ketua Pembangkang yang meninggal dunia pada Ahad lepas pada usia 65 tahun.

-- BERNAMA

SNS HS PR